

Headline	Berdakwah melalui selam skuba		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	09 Jul 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	25,26	ArticleSize	789 cm ²
AdValue	RM 17,776	PR Value	RM 53,328



PENCETUS INSPIRASI

BERDAKWAH MELALUI SELAM SKUBA » 26

Berdakwah melalui selam skuba

USTAZ MUHAMAD ABDULLAH BUKAN SAHAJA DIKENALI RAMAI SEBAGAI PEGUAM SYARIE DAN PENDAKWAH BEBAS MELALUI SLOT *PESONA D' ZAHRAH* DI RADIO IKIM FM TETAPI BELIAU JUGA MERUPAKAN TENAGA PENGAJAR PENTING DALAM AKTIVITI SELAM SKUBA DI NEGARA INI SEJAK 10 TAHUN LALU.

PENCETUS INSPIRASI

**OLEH
ABD. AZIZ ITAR**
aziz.itar@utusan.com.my



DAKWAH Islam harus disebar kepada semua golongan tanpa mengira usia, bangsa dan kecenderungan seseorang termasuklah dalam kalangan penggemar aktiviti selam skuba agar mereka juga dapat memahami ajaran agama ini dengan jelas.

Menyedari hakikat itu, Ustaz Muhamad Abdullah misalnya, mengambil pendekatan berdakwah dalam kalangan para penyelam skuba tanpa mengira latar agama ketika beliau menjalankan aktiviti ini di

merata-rata tempat di seluruh dunia.

Pendakwah berusia 41 tahun ini yang mula berjinak-jinak dalam dunia selam skuba sejak tahun 2007 berkata, melalui aktiviti itu beliau banyak bercampur gaul dengan orang bukan Islam, sekali gus menggunakan peluang tersebut untuk berdakwah.

Menurut Muhamad yang juga tenaga pengajar selam skuba dan ahli Persatuan Tenaga Pengajar Penyelam Profesional (PADI), aktiviti itu dilihat semakin berkembang pesat di rantau ini dan ia telah menarik perhatian ramai pelancong asing.

“Aktiviti selam skuba kini sedang berkembang pesat dan mempunyai pasaran yang besar di lima buah negara di rantau ini iaitu Indonesia, Thailand, Filipina, Malaysia dan juga Maldives. Ramai pelancong asing yang bukan Islam datang ke sini semata-mata untuk aktiviti ini.

“Saya telah Islamkan ramai penyelam skuba yang terdiri daripada pelancong China dan juga mereka yang berasal dari Sabah dan Sarawak. Saya jadikan aktiviti ini bukan sahaja sebagai hobi tetapi juga untuk menyebarkan Islam,” katanya.

Headline	Berdakwah melalui selam skuba		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	09 Jul 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	25,26	ArticleSize	789 cm ²
AdValue	RM 17,776	PR Value	RM 53,328

Beliau menekankan melalui aktiviti seumpama itu, ia secara tidak langsung turut mendedahkan aktiviti-aktiviti sunnah yang digalakkan oleh Rasulullah sejak dari dulu lagi selain aktiviti memamah dan menunggang kuda yang digalakkan dalam Islam.

Kata bapa kepada enam anak ini, aktiviti selam skuba mampu bagi membentuk disiplin dalam kalangan pengamalnya termasuk mematuhi segala peraturan yang ditetapkan agar ia berjalan dengan lancar dan tidak pula membahayakan nyawa para pengamalnya.

Tambah Muhamad, aktiviti selam skuba memang mencabar serta menyeronokkan, tetapi pada masa sama ia juga mampu mengundang tragedi andai kata segala peraturan yang ditetapkan kepada pengamalnya diabaikan.

“Aktiviti sebegini boleh membentuk jati diri dan juga sikap seseorang. Apatah lagi, selam skuba juga ada kaitan dengan aktiviti berenang yang merupakan salah satu sunnah Rasulullah yang patut umat Islam pelajari dan amalkan.

“Melalui aktiviti ini pada waktu siang kita dapat melihat kehidupan marin yang cantik dan ia membuktikan tanda-tanda kebesaran Allah, manakala aktiviti pada waktu malam yang gelap gelita pula boleh mengingatkan kita kepada alam di dalam kubur,” ujarnya.

Ujarnya, dunia selam skuba yang amat luas meliputi lebih 40 bidang seperti menyelam di kawasan kapal karam, gua dasar laut dan kawasan di bawah permukaan ais membuka peluang kepada beliau mengembara ke banyak negara di seluruh dunia.

Beliau yang telah melawat lebih 40 buah negara menyifatkan aktiviti itu berjaya merapatkan hubungan

silaturahim sesama penyelam tetapi ia juga membuka ruang kepadanya berdakwah kepada yang bukan Islam

Muhamad yang juga penceramah dalam slot *Pesona D'Zahra* di Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM FM) setiap Isnin pukul 10.20 pagi turut menjelaskan soal pakaian tidak menjadi halangan dalam aktiviti tersebut.

“Bagi saya, soal pakaian yang sesuai dan patuh Syariah tidak timbul dalam aktiviti ini kerana semakin banyak pakaian yang sesuai dan menutup aurat banyak dijual di pasaran terutama untuk orang perempuan dan juga lelaki.

“Malah, aktiviti ini juga mampu disertai oleh semua golongan dan bukan hanya untuk orang-orang kaya sahaja. Buktinya kini semakin banyak kelab menyelam skuba di negara ini seperti di Bangi untuk penggemarnya,” jelasnya.

Selain menyelam skuba di rantau ini, bapa kepada enam orang anak ini juga banyak terlibat dengan aktiviti-aktiviti di luar bidang itu membabitkan ahli-ahli kelab menyelam skuba di seluruh negara yang kini disertai lebih 500 ahli.

Sepanjang 10 tahun terbabit dalam aktiviti ini, beliau telah melakukan pelbagai aktiviti selam skuba di negara seperti Mesir, Cyprus, Palestin, Jordan, Brunei dan Bali (Indonesia) yang mempunyai keunikan dasar laut tersendiri.

Malah, kata Muhamad, ketika mengikuti aktiviti-aktiviti selam skuba, ramai di antara mereka yang turut serta bersama pendakwah bebas ini tidak mengetahui bahawa beliau merupakan seorang ustaz yang aktif berdakwah.

“Biasanya orang berdakwah di atas daratan, tetapi sebenarnya usaha-usaha dakwah juga perlu dilakukan di mana-mana termasuklah di dasar lautan. Ini salah satu cara saya berdakwah kerana jarang orang berdakwah macam ini.

“Selain berdakwah, saya juga belajar banyak perkara melalui aktiviti ini antaranya tentang perangai manusia dan juga memahami sifat binatang seperti ikan. Ikan jerung misalnya, menjadi ganas di kawasan yang suhunya terlalu ekstrem sejuk,” katanya.

MENGENAI USTAZ MUHAMAD ABDULLAH

- **Asal:** Batu Pahat, Johor
- **Pendidikan:** Bidang Undang-Undang Syariah dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- **Pekerjaan:** Peguam syarie, pendakwah bebas
- **Impian menyelam skuba:** Mahu menyelam lagi di dasar laut di Mesir, Mexico dan Palestin yang mempunyai banyak tarikan terutama daripada segi sejarah.
- **Aktiviti lain:** Menjadi penyampai slot *Pesona D'Zahra* di IKIM fm sejak lebih tiga tahun lalu dan Duta Perjalanan Untuk Masjid al-Aqsa di Palestin sejak tahun 2010.
- **Sasaran masa kini:** Sedang menyiapkan pengajian peringkat doktor falsafah di Universiti Utara Malaysia yang menjurus kepada hadis-hadis yang ada kaitan para nabi dari Nabi Adam hingga Nabi Muhammad dengan Masjid al-Aqsa di Palestin.
- **Alamat emel:** muhamadbinabdullah@gmail.com

Headline	Berdakwah melalui selam skuba		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	09 Jul 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	25,26	ArticleSize	789 cm ²
AdValue	RM 17,776	PR Value	RM 53,328



USTAZ Muhamad Abdullah (dua dari kiri) sewaktu memberi tunjuk ajar tentang aktiviti selam skuba kepada para penyelam dalam satu sesi latihan yang beliau kendalikan baru-baru ini.



SELAIN berkemahiran dalam program motivasi dan ceramah agama, figura ini juga berpengalaman luas dalam dunia di dasar laut.



SALAH satu aksi beliau di dasar laut yang penuh dengan keindahan.

Headline	Berdakwah melalui selam skuba		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	09 Jul 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	25,26	ArticleSize	789 cm ²
AdValue	RM 17,776	PR Value	RM 53,328

